

KEMASLAHATAN MANGSA BANJIR MENURUT PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

MOHD IZZUDDIN BIN MOHD NOOR
izzuddin@kuim.edu.my

FATIMAH NADIRAH BINTI MOHD NOOR
fatimahnadirah@kuim

Fakulti Keilmuan Islam
Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)

ABSTRAK

Saban tahun, bencana alam banjir melanda negara kita. Banjir yang besar telah memberikan kesan yang sangat buruk terhadap kehidupan mangsa banjir. Kehilangan tempat tinggal, haiwan ternakan mati bergelimpangan, hasil pertanian musnah dibawa arus air banjir, kehilangan orang yang tersayang merupakan antara bentuk episod duka yang dihadapi oleh mangsa banjir. Maka kemaslahatan dan kebajikan mangsa banjir perlulah dipelihara terutamanya pasca banjir. Pengkaji berpandangan bahawa aplikasi Maqasid Syariah mampu menjamin kemaslahatan mangsa banjir dalam menghadapi kehidupan selepas daripada banjir. Kajian ini berbentuk kualitatif, di mana pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan dengan, masalah, fenomena banjir dan Maqasid Syariah daripada kitab-kitab turath dan kontemporari, kajian ilmiah, fatwa semasa dan juga akhbar-akhbar. Maklumat ini kemudiannya akan diteliti dan dianalisis bagi mendapat gambaran sebenarnya tentang kemaslahatan mangsa banjir dari sudut pandang Maqasid Syariah. Hasil kajian mendapati Maqasid Syariah merupakan satu pendekatan yang boleh diaplikasikan dalam membantu mangsa banjir untuk bangkit semula meneruskan kehidupan selepas musibah banjir berakhir. Kesimpulannya kemaslahatan mangsa banjir adalah perkara yang boleh digarap dan digali daripada ilmu Maqasid Syariah yang bersifat sangat fleksibel dan anjal dalam menghadapi cabaran tuntutan masa dan keadaan.

Kata Kunci: Kemaslahatan, Mangsa Banjir, Maqasid Syariah

1. Pendahuluan

Di dalam dunia ini, terdapat banyak fenomena dan bencana alam seperti gempa bumi, tanah runtuh, ribut taufan, kemarau, kebakaran hutan, letusan gunung berapi, juga banjir yang berlaku tanpa mengira masa dan keadaan. Semuanya ini berlaku dengan kehendak dan ketetapan Allah SWT sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Al-Quran, Surah Yasin ayat 82:

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

“Dan sesungguhnya Allah apabila Dia mengkehendaki sesuatu, maka Dia berkata jadilah, maka jadilah”. Menurut Al-Maraghi(1946), Kehendak Allah SWT tersebut berlaku secara cepat, pantas tidak lewat, tanpa menggunakan sebarang alat, di mana arahan itu diberikan kepada makhluk yang taat melakukan sebarang arahan Allah SWT. Namun kehendak Allah SWT ini, adalah berdasarkan sebab perbuatan manusia yang seringkali melakukan dosa dan kejahatan. Hal ini dijelaskan sendiri oleh Allah SWT di dalam al-Quran ayat 41 Surah Al-Ruum:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

“Telah zahir kerosakan di darat dan di lautan disebabkan tangan-tangan manusia sendiri, supaya mereka dapat merasakan sebahagian daripada kesan perbuatan mereka sendiri, mudah-mudahan mereka kembali insaf dan bertaubat”. Menurut Al-Baidhawi(1997), kerosakan di sini termasuklah kemarau tanpa air, kebakaran yang banyak, dan juga tenggelam lemas dalam air. Semua ini berlaku disebabkan maksiat dan kezaliman yang dilakukan oleh manusia dan balasan Allah terhadap dosa-dosa yang telah dilakukan oleh manusia(Al-Syaukani, 1993). Secara umumnya, Al-Quran telah merakamkan kisah bencana alam yang ditimpakan ke atas umat-umat terdahulu disebabkan

keingkaran dan pendustaan mereka terhadap ajaran nabi masing-masing. Antara contoh bentuk bencana alam tersebut ialah banjir menenggelamkan kaum nabi Nuh AS yang dirakamkan dalam Surah Al-Ankabut ayat 14, angin ribut kencang memusnahkan kaum Aad yang dinyatakan dalam Surah Al-Qamar ayat 19, hujan dalam bentuk azab mematikan kaum nabi Luth AS yang dijelaskan dalam Surah Al-Syuaara' ayat 173. Semua bencana alam ini berbeza dengan apa yang menimpa ke atas kita umat Muhammad SAW. Ini adalah kerana bencana alam yang melanda umat nabi Muhammad SAW bukanlah merupakan pemusnah mahupun penghapus semua generasi keturunan, namun ianya sebagai tanda amaran daripada Allah SWT supaya manusia pada zaman ini insaf dan kembali ke pangkal jalan yang benar sebelum terjadinya hari kiamat. Bahkan ini semua merupakan tanda kasih sayang Allah terhadap umat Muhammad SAW sebagaimana yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud:

عَظْمُ الْجَزَاءِ مَعَ عَظْمِ الْبَلَاءِ، وَإِنَّ اللَّهَ إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْتَلَاهُمْ، فَمَنْ رَضِيَ فَلَهُ الرِّضَا، وَمَنْ سَخِطَ فَلَهُ السُّخْطُ

“Besarnya ganjaran bersama dengan besarnya ujian yang ditimpakan. Dan Sesungguhnya Allah apabila Dia kasihkan sesuatu kaum, Allah akan memberikan ujian kepada mereka. Sesiapa yang redha, maka dia mendapat keredhaan Allah, sesiapa yang tidak suka, maka Allah akan murka.”

Di Malaysia, banjir merupakan bencana alam yang sentiasa berlaku pada setiap tahun. Dari sudut kesan, banjir dapat dibahagikan kepada dua iaitu, banjir yang memberikan kesan yang kecil dan banjir yang memberikan kesan yang besar. Kebiasannya banjir yang berimpak besar memberikan kesan yang sangat dahsyat kepada mangsa banjir. Kajian ini akan menumpukan kepada banjir berimpak besar yang meninggalkan kesan yang mendalam terhadap mangsa banjir.

Secara umumnya, banjir ialah badan air, yang melimpah keluar dari tebing sungai, tasik atau sistem perparitan disebabkan oleh hujan lebat, pencairan ais, air pasang, dan halangan pada saluran(Laman sesawang Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor). Dalam Bahasa Inggeris, banjir sebagai flood didefinisikan sebagai “*a large amount of water covering an area that is usually dry*” (Jumlah besar air yang menutupi sesebuah kawasan yang biasanya kering) (Laman sesawang Cambridge Dictionary). Menurut Nor Lita Fadilah Rameli et.al(2019), antara banjir yang kerap berlaku di Malaysia ialah banjir monsoon dan banjir kilat. Banjir kilat biasanya berlaku di kawasan yang pesat dengan pembangunan, dan ianya disebabkan oleh jumlah hujan yang turun meningkat dalam tempoh masa yang lama.(F.S Buslima et.al, 2018).

Selain itu, secara semulajadinya, banjir terjadi juga disebabkan beberapa faktor lain iaitu: keadaan geografi sesuatu tempat, aktiviti harian manusia, hakisan, pemendapan, pembinaan tempat tinggal di sepanjang sungai, dan fenomena tanah runtuh(Qomariyatus Sholihah et.al, 2020). Risiko kemusnahan meningkat akibat banjir ini dipengaruhi oleh ribut taufan yang kuat, sistem pengairan yang tidak cekap, kepesatan penduduk dan harta benda pada sesuatu tempat(Masaru, 2014). Pembangunan yang tidak dirancang dengan baik, dengan mengorbankan kawasan tadahan hujan juga turut memburukkan lagi kejadian banjir di sesuatu tempat(Sinar Harian, 2019).

Kesan banjir yang teruk terhadap kehidupan manusia merupakan sesuatu perkara yang tidak dapat dinafikan lagi. Ianya boleh mengorbankan nyawa manusia, binatang ternakan peliharaan manusia, tanam-tanaman ladang perusahaan manusia. Begitu juga dengan kehilangan rumah tempat, barangan keperluan rumah seperti televisyen, mesin basuh, perabot dan lain-lain lagi. Ini termasuklah barang perniagaan jika sekiranya premis perniagaan dilanda banjir yang menyebabkan barang perniagaan rosak dan tidak dapat dijual lagi. Semua ini melibatkan kerugian yang bernilai ribuan malah jutaan ringgit. Sebagai contoh pada Bulan Januari 2021, kerajaan Negeri Johor telah menganggarkan kerugian sebanyak RM63.1 juta apabila negeri tersebut telah dilanda banjir kedua terbesar selepas kejadian yang sama pada tahun 2016 yang melibatkan 9 daripada 10 daerah di negeri tersebut(Berita Harian, 2021).

2. Kemaslahatan

Kemaslahatan berasal daripada perkataan arab iaitu masalah yang berlawanan maksudnya dengan

kefasadan, dan bentuk jamaknya ialah masalih (Al-Razi, 1999). Ianya seperti manfaat (Ibnu Manzur, 1993), juga membawa maksud kebaikan dan petunjuk (Al-Fayumi, t.t). Daripada sudut istilah pula, menurut Al-Ghazali (1993), masalah ialah menjaga kehendak syarak iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta benda. Setiap perkara yang menjamin kelangsungan kelima-lima perkara ini dianggap juga sebagai masalah. Pada pandangan Al-Tufi, masalah dari sudut bahasa ialah sebab yang membawa kepada kebaikan dan manfaat seperti perniagaan menyebabkan keuntungan, dan masalah dari sudut syarak pula ialah sebab yang membawa kepada memenuhi kehendak syarak (Husin Hamid Hasan, 1993). Menurut Ibnu Qayyim (2011), masalah ialah kenikmatan, dan kelazatan serta apa sahaja yang membawa kepada perkara tersebut., Menurut Al-Khadimi (2005), para ulama telah membahagikan masalah kepada tiga kategori iaitu:

- 1) Masalah Mu'tabarah (Masalah yang diiktiraf oleh syarak)
- 2) Masalah Mulghah (Masalah yang ditolak oleh syarak)
- 3) Masalah Mursalah (Masalah yang tidak diperkatakan oleh syarak sama ada diiktiraf mahupun ditolak)

Di samping itu juga, ulama juga membahagikan masalah kepada masalah yang kekal tidak berubah, dan masalah yang berubah mengikut peredaran zaman dan tempat (Al-Alim, 1994).

Menurut Al-Khin (1982), Masalah Mu'tabarah terdiri daripada 3 kategori iaitu, masalah daruriyyat, masalah hajjiyyat, masalah tahsiniyyat. Masalah daruriyyat ini adalah sebagaimana yang telah digariskan oleh Al-Ghazali sebelum ini iaitu penjagaan terhadap lima perkara iaitu, agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta benda. Kebanyakan ulama menghadkan daruriyyat ini kepada lima perkara ini sahaja, namun Al-Qarafi menambah satu perkara lagi iaitu maruah, manakala Ibnu 'Asyur memasukkan juga kebebasan dan kesamarataan dalam skop daruriyyat (Al-Mazruie, t.t).

Maka apa yang akan diperkatakan dan dimaksudkan tentang kemaslahatan di dalam penulisan ini terhadap mangsa banjir ialah kemaslahatan yang melibatkan aspek penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta benda terhadap mangsa banjir mengikut pandangan kebanyakan ulama. Kemaslahatan melibatkan lima perkara ini mempunyai kaitan dengan Maqasid Syariah, bahkan ianya merupakan bahagian utama daripada Maqasid Syariah.

3. Maqasid Syariah

Maqasid Syariah merupakan satu pendekatan yang sering kali diguna pakai pada hari ini dalam menentukan sudut pandangan agama dalam perkara-perkara tertentu. Ianya merupakan wasilah atau medium perantara dalam memahami kehendak sebenar nas untuk penetapan sesuatu hukum mahupun polisi dan prinsip agama.

Secara umumnya, ulama Usul Fiqh pada zaman terdahulu khususnya mereka yang memberikan perhatian terhadap ilmu Maqasid Syariah, tidak menyebutkan takrif ilmu Maqasid Syariah secara mendalam (Azhar, 2010). Melalui pernyataan yang dikemukakan mereka, dapatlah kita menganggap bahawa itulah yang dimaksudkan mereka dengan ilmu Maqasid Syariah. Sebagai contohnya menurut Ibnu Taimiyyah (1995), Maqasid Syariah ialah tujuan-tujuan yang mulia dalam perintah-perintahNya yang berakhir dengan kesudahan yang mulia. Menurut Ibnu Abd Salam (1991) pula, Maqasid Syariah ialah mencapai kebaikan, menolak kerosakan, di mana kebaikan tersebut tidak sepatutnya diabaikan, dan kerosakan tersebut tidak sepatutnya didekati walaupun tidak terdapat nas, ijma, qias yang khusus.

Disebalik itu pula, para ulama moden telah memberikan definisi yang jelas berkenaan dengan ilmu Maqasid Syariah. Antaranya menurut Al-Zuhaili (t.t), Maqasid Syariah ialah tujuan-tujuan, hasil-hasil, makna-makna didatangkan oleh Syariah, dan diperkukuhkan dalam hukum-hakam untuk dicapai, dan didapati pada setiap masa dan tempat. Manakala menurut Al-Alim (1994), Maqasid Syariah ialah tujuan yang dilontarkan oleh syarak dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh Allah SWT pada sisi semua hukum-hakam. Selain daripada itu, Maqasid Syariah juga bermaksud, makna sempurna yang dikehendaki oleh Allah SWT, yang boleh dicapai melalui penetapan hukum-

hakam(Al-Kailani, 2000). Secara umumnya, Maqasid Syariah terbahagi kepada 3 bahagian utama iaitu Daruriyyat, Hajiyyat, Tahsiniyyat. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, pengkaji akan memfokuskan kepada aspek masalah mu'tabarah yang sama maksudnya dengan aspek daruriyyat. Hal ini adalah kerana Daruriyyat ialah sesuatu yang diperlukan untuk menegakkan kebaikan di dunia dan akhirat iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta benda(Al-Khadimi, 2001).

3.1 Menjaga Agama

Agama yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah agama yang benar, sahih yang diturunkan oleh Allah tuhan semesta alam, bebas daripada sebarang tokok tambah, dan penyelewengan. Ianya adalah agama yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW iaitu Islam(Al-Yubi, 1998). Hal ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran Surah Ali Imran ayat 19 iaitu:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

“Sesungguhnya agama yang benar di sisi Allah SWT ialah agama Islam”

Selain itu juga, Islam merupakan perkara yang sangat penting dalam kehidupan sebagai seorang muslim. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam hadith riwayat Tirmizi:

رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ

“Kepala sesuatu perkara ialah Islam”

Maka penjagaan agama merupakan urusan yang besar nilainya bagi seorang yang beragama Islam. Menurut Al-'Ati(2007), salah satu bentuk penjagaan agama itu terangkum dalam aspek aqidah keimanan, dan pelaksanaan ibadah. Bahkan Al-Syatibi mengatakan bahawa penjagaan agama itu terangkum dalam tiga perkara iaitu Islam, Iman, dan Ihsan(akhlak) sebagaimana yang dijelaskan oleh Al-Quran dan Sunnah(Al-Yubi, 1998).

Maka kemaslahatan mangsa banjir dalam ruang lingkup menjaga agama pada pandangan pengkaji ialah:

- 1- Dari sudut aqidah, mangsa banjir perlu ditenangkan untuk menerima segala ujian dan ketentuan Allah SWT yang telah berlaku dengan penuh dengan keimanan, redha, dan pasrah kepada Allah SWT. Bahkan mereka sepatutnya tidak mempersoalkan sebab diuji dengan sedemikian rupa serta tidak berasa kesal di atas apa yang telah berlaku. Hal ini bertepatan dengan apa yang difirmankan oleh Allah SWT di dalam al-Quran Surah al-Baqarah ayat 156 :

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

“Dan mereka apabila ditimpa dengan sesuatu musibah, mereka akan berkata: sesungguhnya daripada Allah kita datang, dan kepada Allah jugalah kita akan dikembalikan”. Dan dengan mengembalikan semua urusan ini kepada Allah SWT, maka mereka mendapat rahmat daripada Allah SWT sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat berikutnya:

أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِنْ رَبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُهْتَدُونَ

“Mereka ialah orang yang mendapat selawat dan rahmat daripada tuhan mereka, dan mereka tergolong di kalangan orang yang mendapat petunjuk”

Selawat daripada Allah SWT di dalam ayat ini membawa maksud pujian daripada Allah SWT(Ibnu Kathir, 1999).

- 2- Dari sudut ibadah pula, mangsa banjir perlu dipastikan mereka mampu dan boleh melaksanakan ibadah fardhu solat dalam keadaan yang sempurna walau di mana sahaja mereka berada sama ada terkepung di rumah tempat tinggal, mahupun di kawasan sekolah tempat pemindahan mangsa banjir. Pihak berkuasa agama Jabatan Agama Islam setempat perlu memastikan kemudahan untuk mendirikan solat bermula dengan aspek taharah(kebersihan), dan pelaksanaan solat wujud di tempat pemindahan mangsa banjir.

Kemudahan tersebut adalah seperti air untuk berwudhuk, atau debu untuk bertayammum, dan kawasan yang sesuai untuk mendirikan solat.

- 3- Dari sudut akhlak ialah berasa simpati terhadap apa yang telah menimpa terhadap mangsa banjir, dan bukannya mengutuk serta menyalahkan mereka terhadap apa yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

3.2 Menjaga Nyawa

Nyawa merupakan nikmat anugerah pemberian Allah SWT yang sangat bernilai bagi meneruskan kelangsungan kehidupan. Atas sebab inilah, maka perbuatan membunuh diharamkan oleh Allah SWT dan merupakan jenayah yang sangat besar dalam ajaran Islam. Hal ini dapat dilihat melalui nas-nas Al-Quran dan juga hadith-hadith Rasulullah SAW. Antaranya ialah firman Allah SWT dalam Surah Al-Isra' ayat 33:

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَمَنْ قُتِلَ مَظْلُومًا فَقَدْ جَعَلْنَا لَوْلِيهِ سُلْطَانًا فَلَا يَسْرِفُ فِي الْقَتْلِ إِنَّهُ كَانَ مَنْصُورًا

“Dan janganlah kamu membunuh nyawa yang diharamkan oleh Allah, melainkan dalam keadaan yang benar. Dan sesiapa yang dibunuh secara zalim, maka diberikan kuasa kepada walinya untuk menentukan hukuman balas. Maka janganlah ia melampaui batas dalam menuntut balas kerana sebenarnya ia telah mendapat pertolongan sebesar-besarnya”

Dan juga hadith riwayat Bukhari menyatakan:

لَا يَحِلُّ دَمُ امْرِئٍ مُسْلِمٍ، يَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ رَسُولَ اللَّهِ، إِلَّا بِإِخْدَى ثَلَاثٍ: النَّفْسُ بِالنَّفْسِ، وَالتَّيِّبُ الرَّزِينِ، وَالْمَارِقُ مِنَ الدِّينِ
التَّارِكُ لِلْجَمَاعَةِ

“Tidak halal darah seseorang Muslim yang mengaku bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah, dan Aku adalah rasulullah kecuali salah seorang daripada tiga: nyawa dengan nyawa, penzina yang telah berkahwin, dan orang yang meninggalkan agama dan jemaah.”

Malah, terdapat hukuman khusus iaitu qisas telah ditetapkan ke atas mereka yang melakukan jenayah pembunuhan di dalam Al-Quran Surah Al-Baqarah ayat 178:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلِ الْمُرْتَدِّ بِالْحَرْبِ وَالْعَبْدِ بِالْعَبْدِ وَالْأَنْثَى بِالْأُنْثَى فَمَنْ عُفِيَ لَهُ مِنْ أَخِيهِ شَيْءٌ فَاتِّبَاعٌ بِالْمَعْرُوفِ وَأَدَاءٌ إِلَيْهِ بِإِحْسَانٍ ذَلِكَ تَخْفِيفٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ فَمَنْ اعْتَدَى بَعْدَ ذَلِكَ فَلَهُ عَذَابٌ أَلِيمٌ

“Wahai orang yang beriman, diwajibkan hukuman qisas dalam kes pembunuhan. Merdeka dengan merdeka, hamba dengan hamba, perempuan dengan perempuan. Jika pembunuh mendapat kemaafan daripada saudara yang dibunuh tersebut, maka hendaklah saudara yang dibunuh mengikut kebaikan atau membayar ganti rugi dengan sebaik-baiknya. Itulah keringanan yang diberikan daripada tuhan kamu. Dan sesiapa yang melampaui batas selepas daripada itu, baginya disediakan azab yang sangat pedih”

Semua ini menggambarkan bahawa perkara yang berkaitan dengan nyawa tidak boleh dipermainkan-mainkan, bahkan ianya merupakan satu amanah daripada Allah SWT yang perlu dijaga dan dipelihara. Antara contoh bentuk penjagaan nyawa dalam pandangan Maqasid Syariah ialah Sad Zaraie (menutup pintu atau jalan) yang boleh membawa kepada kematian (Al-Yubi, 1998), dan menjaga kesihatan diri sendiri (Al-'Ati, 2007).

Sehubungan dengan itu, aspek penjagaan nyawa dari perspektif Maqasid Syariah yang boleh diaplikasikan untuk kemaslahatan mangsa banjir pada pandangan pengkaji ialah seperti berikut:

- 1- Memberikan bantuan perubatan kepada mangsa banjir yang mungkin tercedera atau mengalami sebarang bentuk kemalangan yang tidak dapat dielakkan. Segala kos rawatan dan perubatan ini sepatutnya ditanggung oleh pihak yang bertanggungjawab sebagai usaha meringankan bebanan mangsa banjir yang baru sahaja diuji dengan satu musibah yang menyakitkan.
- 2- Memeriksa tahap kesihatan mangsa banjir terutamanya di kalangan mereka yang berusia

dan berisiko tinggi disebabkan mempunyai sejarah latar belakang penyakit yang berbahaya seperti penyakit jantung, darah tinggi, kencing manis, dan lain-lain lagi. Ini adalah kerana banjir yang teruk akan memberikan kesan terhadap emosi dan perasaan mangsa banjir sehingga boleh mempengaruhi bacaan tekanan darah. Maka para doktor dan jururawat perlu juga untuk ditempatkan bersama di pusat pemindahan banjir.

- 3- Membuat pemantauan pergerakan terutamanya terhadap kanak-kanak bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan, yang boleh meragut nyawa mereka. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, bahawa pada musim banjir juga, banyak laporan yang menyebutkan tentang kematian kanak-kanak lemas kerana bermain dengan air banjir.
- 4- Menyediakan makanan, minuman yang berkhasiat, dan ubat-ubatan kepada mangsa banjir yang ditempatkan pusat pemindahan banjir.
- 5- Membuat penilaian semula terhadap tanah penempatan perumahan di kawasan yang sering dinaiki air banjir, atau kawasan rendah. Jika hasil kajian mendapati kawasan tersebut berisiko untuk ditenggelami air banjir, maka urusan pemindahan penduduk ke tempat lain yang lebih selamat perlu dilakukan secepat yang mungkin. Kawasan yang tidak selamat tersebut perlulah digazetkan sebagai kawasan larangan untuk dijadikan kawasan perumahan.

3.3 Menjaga Akal

Akal juga merupakan nikmat Allah SWT yang membolehkan manusia membezakan antara perkara yang baik dan perkara yang buruk. Ianya membezakan kedudukan manusia sebagai makhluk yang tinggi kedudukannya dan lebih mulia berbanding dengan haiwan. Atas sebab inilah, kita melihat di dalam Al-Quran terdapat banyak ayat yang menyuruh manusia agar menggunakan akal fikiran mereka untuk berfikir mencari kebenaran, walaupun di dalam Al-Quran secara umumnya tiada istilah akal yang digunakan. Namun terdapat istilah lain yang terbit daripada perkataan akal dalam bentuk kata kerja yang semuanya berjumlah sebanyak 49 ayat (Nafiz Zib, 2011). Bahkan akal telah menjadi syarat kepada bebanan hukum syarak sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam hadith riwayat Ahmad:

رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ: عَنِ الصَّغِيرِ حَتَّى يَبْلُغَ، وَعَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ، وَعَنِ الْمُسَابِحِ حَتَّى يُكْشَفَ عَنْهُ

“Diangkat pena daripada tiga jenis manusia: daripada anak kecil sehingga dia baligh, daripada orang tidur sehingga dia bangun, daripada orang sakit gila sehingga sembuh”

Dimensi penjagaan akal menurut perspektif Maqasid Syariah ialah pengharaman pengambilan segala perkara yang boleh menghilangkan akal seperti minuman keras arak, dan dadah. Selain daripada juga, syarak melarang sebarang bentuk khayalan, khurafat, kekeliruan yang memusnahkan peranan akal yang sihat (Al-‘Ati, 2007). Pendidikan, ilmu pengetahuan juga merupakan salah satu daripada aspek penjagaan akal yang ditekankan oleh Maqasid Syariah (Al-Alim, 1994).

Dari sudut kemaslahatan mangsa banjir dalam aspek penjagaan akal ini, pada pandangan pengkaji ianya adalah seperti berikut:

- 1- Memulihkan semangat, jiwa, emosi, mental, dan psikologi mangsa banjir yang telah terjejas disebabkan oleh bencana banjir. Hal ini adalah disebabkan kerana tekanan perasaan, trauma yang dialami oleh mangsa banjir. Sesuatu perkara yang tidak dapat dinafikan lagi bahawa kehilangan orang yang tersayang, rumah kediaman, binatang ternakan telah mempengaruhi emosi dan perasaan mangsa banjir. Justeru, pihak bertanggungjawab perlu menyediakan khidmat nasihat kaunseling yang diberikan oleh pegawai psikologi dan kaunselor yang bertauliah kepada mangsa banjir yang mengalami situasi sebegini di pusat penempatan banjir.
- 2- Memberikan ilmu berkenaan dengan pelaksanaan ibadah kepada mangsa banjir, agar mereka dapat melaksanakan ibadah dengan sempurna bersesuaian dengan keadaan yang dihadapi oleh mereka. Maka pihak Jabatan Agama Islam setempat perlu bertindak secara

proaktif dengan menempatkan pegawai agama bagi membimbing mangsa banjir untuk melaksanakan ibadah solat terutamanya sepanjang keberadaan mereka di pusat penempatan banjir.

- 3- Memberikan ilmu berkenaan dengan kesihatan seperti risiko penularan penyakit berjangkit bawaan air makanan, leptospirosis, konjunktivitis(sakit mata), demam denggi(laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia). Hal ini adalah bertujuan untuk memberikan kesedaran di kalangan mangsa banjir akan kepentingan menjaga diri dan keluarga masing-masing sepanjang berlakunya banjir di tempat mereka agar tidak mendapat penyakit yang boleh meragut nyawa ini.
- 4- Memberikan bantuan kelengkapan ke sekolah seperti baju, seluar, kasut, alatan tulis, buku-buku yang telah rosak teruk dalam kejadian banjir yang berlaku. Ini adalah kerana semua perkara ini merupakan medium yang membantu dan memudahkan urusan menuntut ilmu di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

3.4 Menjaga Keturunan

Keturunan merupakan suatu generasi yang akan meneruskan sesuatu legasi warisan peninggalan generasi awal dalam sesebuah negara. Mereka merupakan pemimpin masa hadapan yang akan mencorakkan hala tuju dan pembangunan negara ini. Maka generasi ini merupakan aset yang sangat berharga yang perlu dipelihara dan dijaga dengan sebaik-baiknya. Terdapat perbezaan pandangan di kalangan ulama berkaitan tentang penggunaan istilah penjagaan keturunan kerana terdapat juga ulama yang menggunakan istilah penjagaan kemaluan. Mereka yang menggunakan istilah keturunan antaranya ialah Al-Amidi, Ibnu Hajib, Al-Syatibi. Manakala mereka yang menggunakan istilah kemaluan ialah Al-Haramain, Al-Ghazali, dan Ibnu Taimiyyah((Al-Yubi, 1998). Namun penggunaan dua istilah yang berbeza ini bukanlah suatu isu yang besar kerana ianya mempunyai kaitan antara satu sama lain. Secara zahirnya, penjagaan keturunan berlaku hasil daripada penjagaan kemaluan, manakala penjagaan kemaluan merupakan cara untuk penjagaan keturunan. Penjagaan keturunan lebih umum berbanding dengan penjagaan kemaluan. Maka pengkaji lebih cenderung kepada penggunaan istilah penjagaan keturunan.

Naratif penjagaan keturunan menurut Maqasid Syariah ialah pensyariatan perkahwinan yang mendatangkan zuriat keturunan yang baik(Al-‘Ati, 2007). Allah SWT berfirman di dalam Al-Quran Surah Al-Nur ayat 32:

وَأَنْكِحُوا الْأَيَامَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ ۚ إِنَّ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِيهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

“ Dan kahwinkanlah orang-orang bujang sama ada lelaki dan perempuan dari kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurniaNya kerana Allah Maha Luas (rahmatNya dan limpah kurniaNya), lagi Maha Mengetahui.”

Selain daripada itu, Allah SWT mensyariatkan hukum untuk mengelakkan terhasilnya keturunan yang tidak baik bermula dengan menundukkan pandangan(Muhammad Bakar, 2006). Hal ini sebagaimana telah dijelaskan di dalam Al-Quran pada Surah Al-Nur ayat 30 dan 31:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ. وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ...

“Dan katakanlah kepada lelaki yang beriman supaya mereka menundukkan pandangan mereka, dan menjaga kemaluan mereka. Perkara tersebut lebih suci bagi mereka. Sesungguhnya Allah maha mengetahui apa yang mereka lakukan. Dan katakanlah kepada perempuan yang beriman supaya mereka menundukkan pandangan mereka, dan menjaga kemaluan mereka.”

Menurut Al-Maraghi(1946), ayat ini merupakan arahan kepada orang lelaki dan perempuan agar masing-masing menghalang pandangan mereka daripada perkara yang diharamkan. Jangan mereka melihat melainkan kepada perkara yang harus sahaja. Jika mereka terpancip kepada

perkara yang haram, maka mereka hendaklah mengalihkan pandangan mereka dengan segera. Selain daripada itu, arahan tuhan kita ini, merupakan prinsip keselamatan yang mengawal kita daripada tergelincir ke dalam jenayah keji dan juga menutup jalan kepada berlakunya jenayah seperti zina, qazaf(Al-Sya'rawi, 1997).

Di samping itu juga, naratif penjagaan keturunan menurut Maqasid Syariah juga ialah pengharaman zina dan larangan melakukannya(Al-'Ati, 2007). Di dalam Al-Quran, perkara ini telah dijelaskan pada Surah Al-Isra' ayat ٣٢:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَةَ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

“Dan janganlah kamu hampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah perbuatan keji dan satu jalan yang jahat”

Menurut Al-Sabuni(1997), arahan jangan menghampiri zina lebih luas daripada jangan berzina, kerana larangan menghampiri zina merangkumi larangan permulaan kepada berlakunya zina seperti menyentuh, mencium, melihat dan lain-lain lagi. Maka jika digabungkan kedua-dua ayat ini iaitu ayat 30, 31 Surah Al-Nur dan ayat 32 Surah Al-Isra', dapat dikatakan bahawa ayat-ayat ini saling melengkapi antara satu sama lain, di mana menundukkan pandangan adalah salah satu cara untuk tidak menghampiri zina. Bahkan tidak menghampiri zina salah satu caranya ialah dengan menundukkan pandangan.

Berdasarkan kepada perbincangan naratif penjagaan keturunan menurut Maqasid Syariah di atas, maka kemaslahatan mangsa banjir dalam aspek penjagaan keturunan ialah seperti berikut:

- 1- Tempat pemindahan banjir mestilah merupakan tempat bebasnya daripada perlakuan zina, mahupun perlakuan permulaan kepada zina. Ini dapat dilakukan secara umumnya dengan pengasingan jantina antara lelaki dan perempuan di kawasan penempatan mangsa banjir. Satu kawasan dikhususkan kepada lelaki, dan manakala satu kawasan lagi dikhususkan kepada wanita. Hal ini bagi mengelakkan fitnah daripada percampuran lelaki dan perempuan secara bebas dan tidak terkawal yang boleh membawa kepada kemungkinan berlakunya jenayah zina, rogol, dan seumpamanya. Bagi mereka yang telah berkeluarga, hadangan dan tirai haruslah diletakkan bagi mengelakkan aurat dilihat oleh mereka yang bukan mahram. Perkara ini bukanlah hanya melibatkan mangsa banjir sahaja, namun turut dipraktikkan kepada semua orang yang berada di pusat pemindahan banjir tersebut seperti sukarelawan, pegawai yang bertugas, dan juga pelawat daripada luar.
- 2- Tempat pemindahan mangsa banjir mestilah merupakan zon menutup aurat. Kesemua mangsa banjir diminta agar menjaga dan menutup aurat masing-masing dengan sesempurna yang boleh ketika berada di tempat pemindahan mangsa banjir. Ini dapat dilaksanakan oleh wanita dengan memakai tudung kepala, pakaian yang longgar, dan yang tidak menampakkan bentuk tubuh. Manakala bagi lelaki pula dengan tidak memakai seluar pendek bagi menjaga batasa aurat antara pusat dan lutut. Penutupan aurat yang sempurna adalah penting bagi mengelakkan sebarang rangsangan nafsu syahwat, yang boleh menyebabkan berlakunya jenayah rogol dan zina.
- 3- Akad perkahwinan yang telah ditetapkan perlu diteruskan seperti biasa mengikut kesesuaian tempat dan keadaan. Apa yang penting ialah menyelesaikan perkara yang wajib sahaja terlebih dahulu iaitu akad nikah. Manakala kenduri jamuan makan boleh ditangguhkan kepada satu tarikh masa yang lain apabila banjir telah surut.

3.5 Menjaga Harta

Harta merupakan elemen penting dalam meneruskan kelangsungan kehidupan. Tanpanya urusan kehidupan di dunia terutamanya dalam sektor ekonomi, perniagaan, pelaburan dan lain-lain lagi tidak dapat dilaksanakan, Ianya merupakan wasilah yang membolehkan manusia melakukan kebaikan di dunia ini. Wang pula adalah salah satu daripada bentuk harta dan ianya adalah medium yang membolehkan manusia melakukan aktiviti jual beli, tawar-menawar, pertukaran barang

dengan barang. Bahkan Al-Quran menggambarkan bahawa harta merupakan perkara yang perlu dikongsi bersama dengan mereka yang berada di dalam kesusahan. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Ma'arij ayat 24-25:

وَالَّذِينَ فِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُومٌ. لِلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ

“Dan mereka yang menetapkan pada harta mereka hak-hak yang tertentu. Diberikan kepada orang miskin yang meminta bantuan, dan juga kepada orang miskin yang tidak meminta bantuan”. Menurut Tantawi(1998), ayat ini berkaitan dengan golongan yang mengeluarkan sebahagian daripada harta mereka dalam bentuk zakat untuk diberikan kepada golongan yang memerlukan(sama ada yang memang meminta-minta dan termasuklah kepada mereka yang tidak meminta-minta walaupun sebenarnya mereka sangat memerlukannya) atas tujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT, dan mensyukuri nikmat pemberian Allah SWT.

Perbincangan tentang penjagaan harta menurut Maqasid Syariah ialah seperti pemberian ganti rugi kepada harta benda yang hilang, pensyariatan usaha menyelamatkan harta benda(Al-Yubi, 1998). Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, kerugian akibat musibah banjir sangat besar. Maka aspek penjagaan harta ini merupakan aspek terpenting dalam menjamin kemaslahatan mangsa banjir terutamanya selepas banjir untuk meneruskan kehidupan seperti sedia kala.

Penjagaan harta yang dapat diaplikasikan dalam usaha untuk menjamin kemaslahatan mangsa banjir dari perspektif Maqasid Syariah ialah:

- 1- Usaha membantu mangsa banjir daripada pihak kerajaan dengan memberikan sumbangan ganti berbentuk wang, duit, dan harta benda yang telah musnah dilanda banjir. Pihak berkuasa agama seperti Jabatan Agama Islam, Baitulmal boleh menggunakan wang zakat untuk meringankan beban mangsa banjir. Bahkan fatwa berkenaan keharusan pembahagian wang zakat kepada mangsa banjir telah dikeluarkan. Antaranya daripada pihak Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan pada tahun 2014(Lawan sesawang pejabat Mufti Wilayah Persekutuan). Selain daripada itu juga, wakaf juga merupakan instrumen yang boleh digunakan bagi membantu membina rumah-rumah baru untuk keselesaan mangsa banjir.
- 2- Usaha untuk menyelamatkan harta benda dengan mengangkat barangan tersebut ke tempat yang tinggi atau yang lebih selamat dapat dilakukan dengan kerjasama pihak bertanggungjawab seperti BOMBA, JPAM, RELA dan juga pihak NGO yang turun padang ke tempat yang dilanda banjir.
- 3- Para hartawan dan jutawan sangat digalakkan untuk membantu meringankan bebanan yang ditanggung oleh mangsa banjir terutamanya pasca banjir untuk bangkit semula membina kehidupan yang baru. Bahkan banjir merupakan peluang terbaik bagi golongan yang berharta untuk menginfakkan harta mereka untuk menolong mangsa banjir yang berada dalam kesusahan. Bantuan boleh diberikan dalam pelbagai aspek termasuklah sukarelawan mengerahkan tenaga dan keringat mereka untuk membersihkan kawasan rumah yang kotor selepas air banjir telah surut.

4. Kesimpulan

Kemaslahatan mangsa banjir menurut perspektif Maqasid Syariah boleh disimpulkan seperti berikut:

1) Menjaga Agama

Ianya merangkumi tiga aspek utama iaitu Aqidah, Ibadah, dan Akhlak. Pelaksanaan semua perkara yang berkaitan tiga aspek ini perlu dilakukan, di mana yang pertamanya, mangsa banjir perlu beriman dengan ketentuan dan takdir Allah SWT yang telah menguji mereka dengan banjir. Kedua, walau dalam keadaan apa sekalipun, selagi akal waras berfikir, ibadah khusus seperti solat, penutupan aurat perlu dilakukan sebaik mungkin. Ketiga, berasa simpati terhadap apa yang telah menimpa mangsa banjir, dan bukannya

- menyalahkan mereka atas apa yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.
- 2) Menjaga Nyawa
Ianya berkaitan dengan memberikan bantuan perubatan kepada mangsa banjir, memeriksa tahap kesihatan mereka, membuat pemantauan terhadap pergerakan kanak-kanak pada musim banjir, menyediakan makanan yang berkhasiat dan ubat-ubatan kepada mangsa banjir, menilai semula keadaan dan struktur tanah pada kawasan penempatan yang sentiasa dilanda banjir.
 - 3) Menjaga Akal
Ianya melibatkan pemulihan semangat dan emosi mangsa banjir pasca banjir, pemberian ilmu berkenaan dengan pelaksanaan ibadah kepada mangsa banjir dan ilmu kesihatan tentang risiko penyakit berjangkit, dan memberikan bantuan kelengkapan ke sekolah.
 - 4) Menjaga Keturunan
Ianya dilakukan dengan memastikan pusat pemindahan mangsa banjir adalah bebas daripada jenayah zina dan rogol serta perkara-perkara yang membawa kepada jenayah tersebut, menjadikan pusat pemindahan banjir sebagai zon menutup aurat, manakala aktiviti perkahwinan dilakukan seperti biasa mengikut kesesuaian masa dan keadaan.
 - 5) Menjaga Harta
Ianya termasuklah usaha pihak kerajaan membantu golongan mangsa banjir dalam bentuk kewangan dan harta benda dengan menggunakan bajet peruntukan bencana alam, wang zakat mahupun instrumen wakaf, usaha menyelamatkan barangan mangsa banjir dengan memindahkannya ke tempat yang lebih tinggi atau lebih selamat dengan penglibatan agensi kerajaan, mahupun NGO.

5. Rujukan

- Al-'Ati, Muhammad Abdul. (2007). *Al-Maqasid Al-Syariyyah Wa Atharuha Fi Al-Fiqh Al-Islami*. Kaherah. Dar Al-Hadis.
- Al-Alim, Yusuf Hamid. (1994), *Al-Maqasid Al-Ammah Lisyariah Al-Islamiyyah*. Riyadh: Al-Dar Al-Alamiyyah Lilkitab Al-Islami.
- Al-Baidhawi, Abdullah bin Umar. (1997). *Anwar Tanzil Wa Asrar Takwil*. Beirut: Dar Ihya' Al-Turath Al-'Arabi.
- Al-Fayumi, Ahmad bin Muhammad. (t.t). *Al-Misbah Al-Munir*. Beirut: Al-Maktabah Al-Ilmiah.
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad. (1993). *Al-Mustasfa*. t.t: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Al-Kailani, Abdul Rahman Ibrahim Zaid. (2000). *Qawaid Al-Maqasid 'Inda Al-Imam Al-Syatibi*. Dimashq: Dar Al-Fikr.
- Al-Khadimi, Nuruddin bin Mukhtar. (2001). *Ilmu Al-Maqasid Syariah*. t.t.: Maktabah Al-'Abikan.
- Al-Khadimi. Nuruddin Mukhtar. (2005). *Al-Maslahah Al-Mulghah Fi Al-Syar' Al-Islami Wa Tatbiqatuha Al-Muasarah*. Riyadh: Maktabah Al-Rusdh.
- Al-Khin, Mustafa Said. (1982). *Athar Al-Ikhtilaf Fi Al-Qawaid Al-Usuliyah Fi Ikhtilaf Al-Fuqaha*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Al-Maraghi, Ahmad bin Mustafa. (1946). *Tafsir Al-Maraghi*. Mesir: Syarikat Maktabah wa Matbaah Mustafa Al-Bab Al-Halabi wa Auladi.
- Al-Razi, Muhammad bin Abu Bakar. (1999). *Mukhtar Al-Sihah*. Beirut: Al-Maktabah Al-Asriyyah.
- Al-Sya'rawi, Muhammad Mutawalli. (1997). *Tafsir Al-Sya'rawi*. t.t: Matabi' Akhbar Al-Yaum.
- Al-Syaukani, Muhammad bin Ali. (1993). *Fath Al-Qadir*. Beirut: Dar Al-Kalam Al-Tayyib.
- Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa. (1975). *Sunan Al-Tirmizi*. Mesir: Syarikat Maktabah Wa Matbaah Mustafa Al-Bab Al-Halabi.
- Al-Yubi, Muhammad Saad bin Ahmad. (1998). *Maqasid Al-Syariah Al-Islamiyyah Wa 'Alaqtuha Bi Adillah Al-Syariyyah*. Riyadh: Dar Al-Hijrah.
- Azhar, Hisham bin Said. (2010). *Maqasid Al-Syariah 'Inda Imam Al-Haramain*. Riyadh: Maktabah Al-Rusdh.

- Husin Hamid Hasan. (1993). *Fiqh Al-Maslahah Watatbiqatihu Al-Muasarah*. Jeddah: Al-Maahad Al-Islami.
- Ibnu Abd Salam, Abdul Aziz bin Abdul Salam. (1991). *Qawaid Al-Ahkam Fi Masalih Al-Anam*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Ibnu Hanbal, Ahmad bin Muhammad. (2001). *Musnad Ahmad*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Ibnu Kathir, Ismail bin Umar. (1999). *Tafsir Al-Quran Al-'Azim*. t.t: Dar Tayyibah.
- Ibnu Manzur, Muhammad bin Mukarram. (1993). *Lisan Al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibnu Qayyim, Muhammad bin Abu Bakar. (2011). *Miftah Dar Al-Saadah*. Makkah: Dar Al-Alam Al-Fawaid.
- Ibnu Taimiyah, Ahmad bin Abdul Halim. (1995). *Majmu' Fatawa*. Madinah: Majma' Al-Malik Fahd.
- Muhammad Bakar, Ismail Habib. (2006). *Maqasid Al-Syariah Ta'silan Wa Tafielan*. Makkah: Rabitah Al-'Alam Al-Islami.
- Tantawi, Muhammad Sayyid. (1998). *Al-Tafsir Al-Wasit Lil Quran Al-Karim*. Kaherah: Dar Nahdah Misr.
- https://www.researchgate.net/publication/331672472_Persepsi_Penduduk_Terhadap_Banjir_Mon_sun_Kajian_Kes_Temerloh_Pahang_Malaysia(Diakses pada 15 Mac 2021).
- <https://www.alukah.net/sharia/0/118623/>(Diakses pada 16 Mac 2021).
- <http://www.saaaid.net/arabic/246.htm>(Diakses pada 16 Mac 2021).
- <http://www.imtithal.com/uploaded/media/research/7505.pdf>(Diakses pada 17 Mac 2021).
- <http://water.selangor.gov.my/index.php/ms/maklumat-jabatan/fungsi-jabatan/pengurusan-banjir>(Diakses pada 18 Mac 2021).
- <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/flood>(Diakses pada 18 Mac 2021).
- https://www.researchgate.net/publication/330192493_Flood_and_Flash_Flood_Geo-Hazards_in_Malaysia(Diakses pada 18 Mac 2021).
- https://www.researchgate.net/publication/272025881_Flood_Risk_Impact_Factor_for_Comparatively_Evaluating_the_Main_Causes_that_Contribute_to_Flood_Risk_in_Urban_Drainage_Areas (Diakses pada 18 Mac 2021).
- <https://iopscience.iop.org/article/10.1088/1755-1315/437/1/012056/pdf>(Diakses pada 18 Mac 2021).
- http://www.riyadhalelm.com/researches/5/55_tdaber.pdf(Diakses pada 19 Mac 2021).
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/781631/banjir-kerugian-di-johor-cecah-rm631-juta>(Diakses pada 20 Mac 2021).
- <http://www.myhealth.gov.my/banjir-dan-risiko-penyakit-berjangkit/>(Diakses pada 20 Mac 2021).
- <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2054-14>(Diakses pada 22 Mac 2021).
- <https://www.sinarharian.com.my/article/57767/SUARA-SINAR/Analisis-Sinar/Pembangunan-pesat-punca-banjir>(Diakses pada 22 Mac 2021).